



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

KENYATAAN AKHBAR YB. MENTERI KERJA RAYA

Isu bahawa kadar tol akan dinaikkan pada tahun 2014 masih sedang hangat diperkatakan. Saya ingin menjelaskan bahawa Kerajaan masih belum mengeluarkan sebarang arahan kepada syarikat-syarikat konsesi mengenai apa juga perubahan kadar tol. Sebaliknya Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri sedang mengkaji secara holistik implikasi kenaikan kos sara hidup rakyat termasuklah isu tol.

Di samping itu, sempena musim perayaan Tahun Baru Cina 2014, sebanyak 23 syarikat konsesi telah sudi menawarkan rebat dan diskaun tol. Daripada jumlah ini, 18 syarikat akan memberi diskaun tol pada kadar 5% hingga 37.5% bagi kenderaan kelas 1 bagi tempoh 30 Januari hingga 2 Februari 2014. Manakala 5 lebuhraya di bawah kendalian Projek Lebuhraya Usahama Berhad (PLUS Berhad) menawarkan rebat tol sebanyak 20% kepada pengguna Kelas 1 yang membuat bayaran tol secara elektronik pada 29 Januari 2014 dan 4 Februari 2014. Dianggarkan sejumlah 3.62 juta pengguna lebuh raya akan menikmati diskaun dan rebat sempena sambutan Tahun Baru Cina 2014 dengan implikasi kos yang dianggarkan berjumlah RM2.9 juta yang akan ditanggung oleh syarikat-syarikat konsesi sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat syarikat (CSR).

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada syarikat konsesi atas kesudian mengadakan insentif kepada pengguna lebuhraya sempena Tahun Baru Cina. Saya juga ingin mengucapkan “Gong Xi Fa Cai” kepada masyarakat Tionghua dan kepada semua masyarakat Malaysia yang akan mengambil peluang bercuti, dipohon berhati-hati semasa memandu.

YB. DATUK HAJI FADILLAH BIN HAJI YUSOF
MENTERI KERJA RAYA
28 JANUARI 2014